



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**23 JUN 2023 (JUMAAT)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**23 JUN 2023 (JUMAAT)**

# Etiqa sokong inisiatif kerajaan lancar pelan insurans RAHMAH

**PETALING JAYA:** Etiqa melancarkan Insurans Kemalangan Diri RAHMAH dan Takaful Kemalangan Diri RAHMAH sebagai menyokong inisiatif 'Insurans RAHMAH' dan 'Takaful RAHMAH' Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup.

Ditaja jamin oleh Etiqa General Insurance Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad, semua pelan mampu milik ini akan membantu mendorong lebih ramai rakyat Malaysia, terutamanya golongan B40, untuk memperoleh perlindungan insurans atau takaful. Pelan ini boleh didapati di semua cawangan Etiqa di seluruh negara.

Insurans Kemalangan Diri RAHMAH dan Takaful Kemalangan Diri RAHMAH Etiqa akan memberi pampasan kepada peserta yang mengalami kecacatan kekal akibat kemalangan atau penyakit, atau kematian akibat kemalangan dengan perlindungan bernalai sehingga RM80,000.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub (tengah) melancarkan Pakej Rahmah Insurans dan Takaful bersama pihak pengurusan kanan Etiqa Insurans dan Takaful.

Seluruh rakyat Malaysia layak untuk menyertai pelan ini selagi mereka berusia antara 16 hingga 65 tahun dan pelan mereka boleh diperbaharui sehingga usia 70 tahun.

Untuk PELAN 1 iaitu bayaran

kematian akibat kemalangan RM1,000.

Bagi PELAN 2 iaitu bayaran tahunan sebanyak RM36 akan mendapat perlindungan kematian akibat kemalangan dan kecacatan kekal akibat daripada kemalangan sehingga RM40,000 di samping eluan pengebumian RM1,000.

Kecacatan kekal akibat daripada kemalangan itu ialah Kecacatan Kekal Menyeluruh (TPD), kehilangan seluruh tangan atau tangan daripada pergelangan tangan - satu atau kedua-dua sekali, kehilangan kaki - satu atau kedua-dua sekali dan kehilangan penglihatan - satu atau kedua-dua sekali.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Etiqa Insurance & Takaful, Kamaludin Ahmad berkata: "Etiqa berbesar hati untuk bekerjasama dalam inisiatif ini untuk menawarkan perlindungan insurans dan takaful yang berpatutan kepada semua rakyat Malaysia," katanya.

Pelan pakej itu boleh dipohon rakyat Malaysia berumur 16 hingga 65 tahun

## Insurans Rahmah serendah RM5

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sarra Hidup (KPDN) melancarkan Pakej Rahmah Insurans dan Pakej Rahmah Takaful serendah RM5 sebulan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pakej itu ditawarkan dua syarikat takaful dan insurans terkemuka iaitu Allianz Malaysia dan Etika.

Beliau berkata, pelancaran kedua-dua pakej ini adalah seiring hasrat KPDN untuk memperluas pelaksanaan Program Payung Rahmah agar turut meliputi segmen perlindungan diri dan harta benda (seperti kenderaan bermotor).

"Inisiatif Pakej Rahmah Insurans oleh Allianz General diperkenalkan melalui Insurans PerlindunganKu Allianz4All yang menawarkan perlindungan kemalangan peribadi sehingga RM50,000.

"Pemegang polisi yang dimusukkan ke hospital kerajaan akibat sakit atau kemalangan akan menerima dua manfaat baharu iaitu pembayaran bantuan perbelanjaan perubatan dan bayaran bantuan kecemasan sekiranya ber-



SALAHUDDIN (tiga dari kiri) melancarkan Jenama Pakej Rahmah Insurans dan Takaful pada Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan Jun 2023 di KPDN Putrajaya semalam.

laku permindahan banjir sehingga RM750.

"Manfaat baharu itu ditambah tanpa kos tambahan, dengan premium tahunan pada kadar RM53 dan RM79.50 (termasuk cukai jualan)," katanya pada sidang akbar selepas menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN semalam.

Kata Salahuddin, peserta pelan itu mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium atau sumbangan bulanan hanya dengan RM5 atau tahunan RM36 (termasuk cukai jualan).

"Pelan ini layak dimohon oleh seluruh rakyat Malaysia yang berusia antara 16 hingga 65 tahun dan boleh diperbaharui sehingga usia 70 tahun," katanya.

Katanya, pihaknya berharap kedua-dua pakej insurans dan takaful ini dapat direbut oleh pekerja gig ekonomi terutama pemandu e-hailing dan p-hailing di negara ini.

Salahuddin berkata, buat masa ini, hanya dua syarikat tampil menawarkan pakej itu dan beliau berharap lebih banyak syarikat dapat menyertai inisiatif itu sekali gus memberi tawaran pelbagai kepada pelanggan.

## Pengeluar gula perlu hantar laporan harian

**PUTRAJAYA** - Dua syarikat pengeluar gula, MSM Malaysia Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) diarahkan untuk menghantar laporan harian berhubung pengeluaran gula di kilang masing-masing kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, langkah itu bagi memastikan jaminan bekalan gula di pasaran tidak terjejas.

"Kedua-dua syarikat ini telah memberi jaminan bekalan gula mencukupi dan kita telah mengarahkan mereka menghantar laporan setiap hari sejak Mei lalu," katanya semasa sidang akhbar pelancaran Pakej Rahmah Insurans dan Takaful di KPDN di sini pada Khamis.

Menurut Salahuddin, KPDN turut mempergiat penguatkuasaan di sempadan negara bagi mengelak ketirisan subsidi utama menjelang sambutan Aidiladha.

"Kita akan pantau serius perkara ini khususnya di negeri yang bersempadan dengan negara jiran," ujar beliau.

Katanya, selepas berlaku gangguan dan Ops Manis dilancarkan Mei lalu, bekalan gula kini stabil berikutan pemeriksaan secara ber-kala di peringkat pemborong serta runcit.

## Projek rintis stesen minyak tanpa subsidi jimatkan RM6 juta

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan projek rintis stesen minyak tanpa subsidi di dua stesen di Perlis sejak Februari lepas berjaya menjimatkan hampir RM6 juta peruntukan subsidi minyak kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, walaupun inisiatif yang diperkenalkan itu bersifat liberal, namun ia berkesan untuk mengekang ketirisan.

"Dalam dua bulan pertama ada penurunan jualan minyak diesel dan RON 95 di stesen yang bersubsidi dengan penjimatan masing-masing RM1.77 juta dan RM8.98 juta dan pada masa sama di stesen minyak tanpa subsidi ada peningkatan (jualan) diesel dan juga RON 95.

"Maksudnya di sini kenderaan asing itu sendiri berbuat demikian ke-



FUZIAH

rana harga bahan bakar di Thailand lebih mahal. Jadi macam mana pun mereka datang dan beli di negara kita walaupun tanpa subsidi (kerana) harganya lebih murah dari negara mereka," katanya pada sesi soal jawab

di Dewan Negara pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Senator Hussin Ismail** yang ingin tahu secara terperinci berkenaan mekanisme pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi serta mekanisme pengawalan minyak bersubsidi.

Dua stesen minyak yang terlibat dengan projek rintis tersebut ialah di Padang Besar dan Wang Kelian, Perlis.

Sementara itu, Fuziah berkata, kementerian turut melaksanakan Ops Tiris sebagai satu lagi mekanisme untuk mengawal ketirisan subsidi bahan bakar.

"Sepanjang Ops Tiris dilaksanakan pada 1 Mac hingga 31 Mei, sebanyak 6,571 permeriksaan dilaksanakan di mana terdapat 221 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM5.41 juta dan 198 tangkapan," ujarnya. - Bernama



SEBUAH daripada tiga lori yang digunakan sindiket penyelewengah diesel terbabit.  
- Gambar Ihsan KPDN Selangor

## Bongkar seleweng diesel subsidi

**Shah Alam:** Kegiatan penyelewengan diesel subsidi yang dilakukan satu sindiket di sebuah stesen minyak di Seksyen 22, dekat sini, terbongkar apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Selangor pada Isnin lalu.

Turut ditahan dalam serbuan sekitar jam 10:30 malam itu lima lelaki termasuk seorang pekerja stesen minyak warga Bangladesh berusia 25 hingga 30 tahun.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Selangor Mohd Khairi Jamaludin berkata, menerusi serbuan itu, pihaknya merampas tiga lori termasuk kontena yang diubah suai serta 13,802 liter diesel berjumlah RM29,674.

Beliau berkata, sebelum serbuan dilakukan ketiga-tiga lori terbabit berulang kali melakukan pengisian di stesen itu selama dua jam.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati mereka me-

lakukan pengisian menggunakan dua nozel pam dalam satu-satu masa.

"Minyak itu kemudian disalurkan ke tangki tambahan termasuk jenis fiber yang diubah suai dalam lori atau kontena melalui pam penyedut.

"Lori berisi kontena itu contohnya sudah mengisi 8,352 liter diesel daripada keseluruhan kapasiti kontena sebesar 20,000 liter," katanya pada sidang media di sini, kelmarin.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
 DAN KOS SARA HIDUP



#DariRakyatUntukRakyat  
 #KitaSelangor  
 #SelangorJER

# JUALAN Ehsan RAHMAT KASIH SAYANG

## Jualan Ehsan Rahmah (JER)

adalah satu inisiatif yang dijalankan melalui kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang menggabungkan inisiatif Payung Rahmah dan Jelajah Ehsan Rakyat di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh Selangor.

**7 PRODUK UTAMA | 30% HARGA LEBIH RENDAH**

- Ayam
- Ikan sejuk beku
- Daging import
- Telur ayam
- Beras
- Minyak masak
- Gula



Jadual JER

**SILA IMBAS**

Layari <https://linktr.ee/myPKPS>  
 untuk mengetahui lokasi JER di  
 seluruh negeri Selangor

**YAB DATO' SERI  
 AMIRUDIN SHARI**  
 DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**YB DATUK SERI  
 SALAHUDDIN AYUB**  
 MENTERI PERDAGANGAN  
 DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP





---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**23 JUN 2023 (JUMAAT)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 JUN 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Jun	KPDN arah syarikat gula hantar laporan stok bekalan gula setiap hari	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-arah-syarikat-gula-hantar-laporan-stok-bekalan-setiap-hari/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-arah-syarikat-gula-hantar-laporan-stok-bekalan-setiap-hari/</a>	UM
23-Jun	2 syarikat gula beri laporan harian pengeluaran kepada KPDN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/980286/2-syarikat-gula-beri-laporan-harian-pengeluaran-kepada-kpdn">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/980286/2-syarikat-gula-beri-laporan-harian-pengeluaran-kepada-kpdn</a>	HM
23-Jun	Pengeluar gula perlu hantar laporan harian - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/264760">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/264760</a>	SH
23-Jun	Pengeluar gula perlu hantar laporan harian kepada KPDN - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pengeluar-gula-perlu-hantar-laporan-harian-kepada-kpdn-salahuddin-425061%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pengeluar-gula-perlu-hantar-laporan-harian-kepada-kpdn-salahuddin-425061%3famp=1</a>	ASTROAWANI
23-Jun	2 pengeluar gula diarah hantar laporan harian kepada KPDN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/06/22/2-pengeluar-gula-diarah-hantar-laporan-harian-kepada-kpdn/">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/06/22/2-pengeluar-gula-diarah-hantar-laporan-harian-kepada-kpdn/</a>	FMT
23-Jun	Dua syarikat gula beri laporan harian pengeluaran kepada KPDN	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/dua-syarikat-gula-beri-laporan-harian-pengeluaran-kepada-kpdn-BC11138292">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/dua-syarikat-gula-beri-laporan-harian-pengeluaran-kepada-kpdn-BC11138292</a>	THESUNDAILY
23-Jun	KPDN perkenal Pakej Rahmah Insurans & Takaful – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/22/kpdn-perkenal-pakej-rahmah-insurans-takaful-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/06/22/kpdn-perkenal-pakej-rahmah-insurans-takaful-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Jun	KPDN rancang perkenal Perbankan RAHMAH	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-rancang-perkenal-perbankan-rahmah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-rancang-perkenal-perbankan-rahmah/</a>	UM
23-Jun	Pakej Rahmah Insurans, Pakej Rahmah Takaful diperkenal – Salahuddin	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/pakej-rahmah-insurans-pakej-rahmah-takaful-diperkenal-salahuddin/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/pakej-rahmah-insurans-pakej-rahmah-takaful-diperkenal-salahuddin/</a>	KOSMO

23-Jun	Putrajaya says meeting with banks soon to discuss possible Rahmah banking service	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/putrajaya-says-meeting-with-banks-soon-to-discuss-possible-rahmah-banking-service/75722">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/putrajaya-says-meeting-with-banks-soon-to-discuss-possible-rahmah-banking-service/75722</a>	MALAYMAIL
23-Jun	Ministry announces Rahmah insurance, takaful packages from Allianz and Etiqa	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/ministry-announces-rahmah-insurance-takaful-packages-from-allianz-and-etiqua/75730">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/ministry-announces-rahmah-insurance-takaful-packages-from-allianz-and-etiqua/75730</a>	MALAYMAIL
23-Jun	Murah, berbaloi harga beras RM10 untuk 5 kg	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2023/06/1117577/murah-berbaloi-harga-beras-rm10-untuk-5-kg">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2023/06/1117577/murah-berbaloi-harga-beras-rm10-untuk-5-kg</a>	BH
23-Jun	Padu: Kita tak berniat sisih B40, miskin tegar, mereka tetap golongan sasar – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/22/padu-kita-tak-berniat-sisih-b40-miskin-tegar-mereka-tetap-golongan-sasar-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/06/22/padu-kita-tak-berniat-sisih-b40-miskin-tegar-mereka-tetap-golongan-sasar-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Jun	Putrajaya says meeting with banks soon to discuss possible Rahmah banking service	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/putrajaya-says-meeting-with-banks-soon-to-discuss-possible-rahmah-banking-service/75722">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/putrajaya-says-meeting-with-banks-soon-to-discuss-possible-rahmah-banking-service/75722</a>	MALAYMAIL
23-Jun	KPDN tidak berkompromi pengusaha stesen minyak salah guna lesen – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/22/kpdn-tidak-berkompromi-pengusaha-stesen-minyak-salah-guna-lesen-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/06/22/kpdn-tidak-berkompromi-pengusaha-stesen-minyak-salah-guna-lesen-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Jun	Projek rintis stesen minyak tanpa subsidi jimat RM6 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/22/projek-rintis-stesen-minyak-tanpa-subsidi-jimat-rm6-juta/">https://malaysiagazette.com/2023/06/22/projek-rintis-stesen-minyak-tanpa-subsidi-jimat-rm6-juta/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Jun	Projek rintis stesen minyak tanpa subsidi jimatkan RM6 juta	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/264737">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/264737</a>	SH

23-Jun	Perlis saves RM6 million in fuel subsidies, says Fuziah	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/448937">https://www.themalaysianinsight.com/s/448937</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
23-Jun	Petrol, diesel tanpa subsidi Malaysia murah banding negara jiran	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/petrol-diesel-tanpa-subsidi-malaysia-murah-banding-negara-">https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/petrol-diesel-tanpa-subsidi-malaysia-murah-banding-negara-</a>	KOSMO
23-Jun	Perlis pilot project saves RM6 mil in fuel subsidy: Fuziah	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/95114/perlis-pilot-project-saves-rm6-mil-in-fuel-subsidy-fuziah">https://www.thevibes.com/articles/news/95114/perlis-pilot-project-saves-rm6-mil-in-fuel-subsidy-fuziah</a>	THEVIBES
23-Jun	Projek rintis stesen minyak tanpa subsidi selamatkan hampir RM6 juta peruntukan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/65915-projek-rintis-stesen-minyak-tanpa-subsidi-selamatkan-hampir-rm6-juta-peruntukan">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/65915-projek-rintis-stesen-minyak-tanpa-subsidi-selamatkan-hampir-rm6-juta-peruntukan</a>	BERITARTM
23-Jun	Isi diesel subsidi sehingga 10 kali sehari	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/980148/isi-diesel-subsidi-sehingga-10-kali-sehari">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/980148/isi-diesel-subsidi-sehingga-10-kali-sehari</a>	HM
23-Jun	KPDN N. Sembilan rampas 16,000 liter diesel bersubsidi	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-n-sembilan-rampas-16000-liter-diesel-bersubsidi-GC11137100">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-n-sembilan-rampas-16000-liter-diesel-bersubsidi-GC11137100</a>	THESUNDAILY
23-Jun	KPDN Negeri Sembilan rampas 16,000 liter diesel bersubsidi di Seremban	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2200264">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2200264</a>	BERNAMA
23-Jun	Two sugar companies providing daily production reports	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/923151/two-sugar-companies-providing-daily-production-reports">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/923151/two-sugar-companies-providing-daily-production-reports</a>	NST
23-Jun	Two sugar companies providing daily production reports	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/ministry-announces-rahmah-insurance-takaful-packages-from-allianz-and-etiq/75730">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/22/ministry-announces-rahmah-insurance-takaful-packages-from-allianz-and-etiq/75730</a>	MALAYMAIL
23-Jun	Ministry announces Rahmah insurance, takaful packages from Allianz and Etiqa	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/669591">https://m.malaysiakini.com/news/669591</a>	MALAYSIAKINI

23-Jun	Menteri umum pakej insurans, takaful Rahmah serendah RM5 sebulan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pakej-rahmah-insurans-rahmah-takaful-dilancar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pakej-rahmah-insurans-rahmah-takaful-dilancar/</a>	UM
23-Jun	Pakej RAHMAH Insurans, RAHMAH Takaful dilancar	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2023/06/22/msm-csr-jamin-bekalan-gula-mencukupi-raya-haji-ini-salahuddin/">https://malaysiaga-zette.com/2023/06/22/msm-csr-jamin-bekalan-gula-mencukupi-raya-haji-ini-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-Jun	MSM, CSR jamin bekalan gula mencukupi Raya Haji ini – Salahuddin	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/kpdn-arah-syarikat-gula-hantar-laporan-stok-setiap-hari-menteri/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/kpdn-arah-syarikat-gula-hantar-laporan-stok-setiap-hari-menteri/</a>	KOSMO
23-Jun	KPDN arah syarikat gula hantar laporan stok setiap hari – Menteri	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2200365">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2200365</a>	BERNAMA
23-Jun	KPDN rancang perkenal perbankan Rahmah	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/kpdn-rancang-perkenal-perbankan-rahmah/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/kpdn-rancang-perkenal-perbankan-rahmah/</a>	KOSMO